

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN** : **LISAN**  
**DARIPADA** : **DATO' WIRA OTHMAN BIN ABDUL [ PENDANG ]**  
**TARIKH** : **18.6.2014**  
**SOALAN** :

**Dato' Wira Othman bin Abdul [ Pendang ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah Kerajaan mempunyai perancangan untuk membina kampus tetap Institut Pendidikan Guru Malaysia yang sekarang berselerak di seluruh negara. Kalau tidak, mengapa.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM) adalah merupakan "entiti pusat" kepada 27 IPG kampus yang melaksanakan program pendidikan guru pra perkhidmatan untuk latihan sekolah rendah dan dalam perkhidmatan khususnya peningkatan profesionalisme berterusan. Ke semua kampus IPG melaksanakan kurikulum pendidikan guru yang sama yang dikawal oleh Rektor IPGM. Pentadbiran dan pengurusan kampus juga di bawah kawalan IPGM. Struktur IPGM dengan 27 IPG sudah sangat mantap. Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 telah menetapkan sasaran memperkasakan 27 kampus cawangan IPGM menjelang tahun 2020.